



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **SETIAUSAHA GRED 54 (TERBUKA)**
- (b) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Perkhidmatan
- 1.1 (a) Tanggagaji - Gred 54 : RM6,177.00 (minimum) – RM13,251.00 (maksimum)
(Terbuka)
- (b) Elaun : Imbuan Tetap Keraian : RM800.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM900.00
Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- 1.2 Syarat Lantikan:
- (i) Warganegara Malaysia
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kepujian atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (iii) Berkebolehan untuk merancang dan memimpin organisasi di peringkat Ketua Jabatan;
 - (iv) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - (v) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja sekurang-kurangnya 15 tahun dan ke atas dalam bidang pengurusan dan pembangunan organisasi, pengurusan kewangan dan pembangunan hartanah.
- 1.3 Pengalaman tambahan : Mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja dalam bidang pengurusan tanah, pengurusan projek, perundangan dan agama Islam adalah satu kelebihan.

1.4 Diskripsi Tugas:

- (i) Bertanggungjawab merancang, menggubal, melaksana dan memantau dasar-dasar awam pengurusan dan pembangunan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan hartanah, aset dan perundangan.
- (ii) Bertanggungjawab sebagai Ketua Jabatan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (iii) Bertanggungjawab untuk mengurus Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang seperti yang diputuskan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2003 termasuk pindaan.
- (iv) Menyemak Anggaran Belanjawan Tahunan Majlis untuk kelulusan Jawatankuasa Pelaburan, Kewangan dan Belanjawan MAINPP, Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (v) Memantau kutipan hasil Majlis dan perbelanjaan secara berhemah dan berakauntabiliti.
- (vi) Memantau pengurusan semua harta Majlis dalam bentuk harta alih dan harta tak alih yang termasuk semua wang, harta wakaf, harta perolehan faraid, harta luqatah, tanah bermilik dan lain-lain.
- (vii) Memantau pembangunan hartanah Majlis dengan cara yang sesuai mengikut kehendak hukum Islam supaya membawa faedah maksimum kepada pewakaf dan umat Islam.

1.5 Taraf Jawatan : Kontrak

2.0 **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web: www.mainpp.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32cm x 22cm.

(c) Permohonan yang berikut akan ditolak:

- (i) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.

2.1 Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister
10400 PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **8 Februari 2021**

Catatan Am:

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.